



Laporan Penilaian | PROF. MADYA DR. AZRUL AMRI BIN JAMAL

Tarikh Cetakan : 12-07-2025 21:37:57

Sesi : SEM II 2024/2025

CSA20203 - NETWORK ANALYSIS AND DESIGN

Bil. Calon	48
Bil. Responden	31
Peratus Responden	64.58%

PURATA	4.93
	98.6 %

BAHAGIAN C - PENILAIAN KURSUS										
SOALAN	1 . Hasil pembelajaran kursus diterangkan dengan jelas pada awal semester.	2 . Hasil pembelajaran bagi setiap topik diterangkan secara jelas di awal aktiviti pembelajaran.	3 . Kandungan kursus bertepatan dengan hasil pembelajaran kursus.	4 . Aktiviti pembelajaran bertepatan dengan hasil pembelajaran kursus.	5 . Kursus ini mempunyai aktiviti pembelajaran yang berorientasikan komuniti.	6 . Bahan rujukan berkaitan kursus adalah mencukupi.	7 . Pentaksiran kursus bersesuaian dengan hasil pembelajaran.	8 . Pentaksiran kursus bersesuaian dengan aktiviti pembelajaran.	9 . Kursus ini mempersiapkan diri saya untuk bersaing pada masa hadapan.	10 . Kursus ini mempunyai input daripada pelbagai disiplin ilmu.
PURATA	4.9	4.9	4.97	4.94	4.97	4.97	4.97	4.9	4.94	4.94
MOD	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5
PURATA BAHAGIAN C	4.94									

BAHAGIAN D - PENILAIAN PENGAJARAN										
SOALAN	1 . Pensyarah berpengetahuan dalam bidang pengajaran.	2 . Pensyarah membuat persediaan sebeum pengajaran.	3 . Pensyarah menyampaikan pengajaran dengan jelas.	4 . Pensyarah menggunakan pelbagai kaedah pengajaran.	5 . Pensyarah menggunakan pendekatan pembelajaran yang berfokuskan pelajar.	6 . Proses pengajaran dan pembelajaran bersifat interaktif.	7 . Pensyarah memberi maklum balas terhadap aktiviti pembelajaran.	8 . Pelajar berpeluang memberi maklum balas terhadap aktiviti pembelajaran.	9 . Pensyarah menggunakan penyampaian yang berasaskan teknologi IR4.0 (Kahoot, Kelip, Virtual Reality, Artificial Intelligence dan lain-lain).	10 . Pensyarah mengadakan kelas mengikut waktu yang ditetapkan di dalam jadual.
PURATA	4.94	4.94	4.94	4.87	4.94	4.94	4.9	4.94	4.9	4.94
MOD	5	5	5	5	5	5	5	5	5	5
PURATA BAHAGIAN D	4.93									

KOMEN ATAU CADANGAN
SOALAN. Jika anda mempunyai sebarang cadangan, sila nyatakan di dalam ruangan yang disediakan. :-
Kelas seronok,lecturer baik dan menepati masa.lecturer memahami dan memrerangkan bahan dengan cara mudah difahami dan ringkas.penambahbaikan,lecturer perlu reply mesej student dengan cepat dan jangantergabung.
Pensyarah mengajar dengan baik, berpengetahuan dalam apa yang diajar dan sentiasa memberikan penjelasan kepada pelajar sekiranya ada konsep baharu atau tidak difahami. datang ke kelas pada masa yang tepat dan sentiasa berpakaian kemas.
Pada pandangan saya, cadangan yang perlu dr kekalkan adalah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran yang sedang berlangsung. hal ini kerana semasa sesi pdp penting untuk kefahaman pelajar lagi-lagi pelajar yang lemah seperti saya ni. kefahaman saya agak lambat berbanding dengan pelajar lain dan saya perlukan lebih fokus untuk mendapatkan mallumat yang diajarkan. akan tetapi semasa sesi pdp dengan dr kefahaman saya mudah untuk difahami dengan input yang dr berikan serta saya dapat gambarkan sedikit apa yang diterangkan oleh dr. seterusnya, cadangan saya untuk mengadakan satu borang semasa sesi pdp. setiap habis class mereka diwajibkan untuk mengisi satu borang yang berkaitan kefahaman agar mereka dapat mengenal pasti kelemahan mereka berada dimana sepanjang sesi pdp berlangsung. bagi saya perkara ini amat penting bagi seorang pelajar kerana sesetengah daripada mereka akan menganggap mereka sudah memahami apa yang mereka pelajari didalam class, namun sebenarnya mereka akan faham hanya setakat didalam class dan setelah beberapa hari mereka lupa akan pembelajaran yang telah diajar pada class lepas. dr juga boleh menanyakan soalan atau memberikan topik yang bakal diajar sebagai satu tugas untuk mereka sebelum sesi pdp dimulai. selain itu, saya ingin memuji sikap dan cara dr dalam sesi pdp. hal ini kerana dr akan memasuki class pada waktu yang tepat, memberikan penjelasan yang terang (kalau boleh buat sedikit penambahbaikan pada bahagian penerangan),berpakaian sopan, dan sentiasa menjawab pertanyaan pelajar. dr juga merupakan seorang dr yang boleh diajak gurau senda makna kata lain sporting, sentiasa memastikan input yang disampaikan dapat diserap oleh semua pelajarnya dan sentiasa mengambil berat akan pelajarnya sekiranya tidak hadir malah program yang dr rancang semuanya berjalan dengan lancar dan dilaksanakan dengan baik. akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan teruskan menjadi dr yang super duper sporting. semoga urusan dr dan sekeluarga di dunia mahupun di akhirat dipermudahkan, dipanjangkan usia serta dikurniakan rezeki yang melimpah ruah agar kami dapat merasainya bersama. hihhi. terima kasih dr dan halalkan ilmu yang diberikan atau dicurahkan kepada kami agar kami berjaya dalam bidang kami masing-masing serta dapat menjawab soalan exam dengan mudah dan dikurniakan daya ingatan yang kuat. terima kasih dr dan selamat bercuti sepanjang cuti sem ni 🥰. maaf atas bebanan yang terlalu panjang ini, dan dengan ini saya mohon untuk mengundurkan diri untuk mempersiapkan diri untuk study subject nad kerana banyak lagi perkara yang belum saya persiapkan untuk berjuang di dewan exam nanti. dengan ini tamat sudah sepatah dua kata daripada saya, sekian terima kasih dr. 🙏🥰
Dr yang peramarah,mudah untuk bertannya soalan,banyak memberi soalan yang mencabar minda,rajin dalam membuat surat ke ppir dan hensem terima kasih dr azrul

Nice lecturer, nice lesson
Pensyarah yang sangat sporting memahami pelajar membantu pelajar seorang yang kelakar
Dr. azrul merupakan seorang lecturer yang sangat pandai dalam memastikan pelajar-pelajar beliau sentiasa fokus untuk belajar di dalam kelas dengan cara yang santai tapi berjaya menarik minat pelajar untuk berfikir, mencari dan memahami sesuatu topik yang dibincangkan di dalam kelas. saya suka dengan cara beliau berinteraksi dengan pelajar, tidak garang, baik tapi pada masa yang sama tegas dalam pengajaran dan pembelajaran. kalau ditanyakan tentang penambahbaikan, sejujurnya saya rasa dr. telah pun melakukan cara yang terbaik untuk menarik minat pelajar, kalau ada pon mungkin dr boleh membuat forum yang dimana penuh dengan persoalan ii yang berkaitan dengan network ataupun soalan ii yg boleh merangsangkan otak pelajar untuk berfikir seperti seorang network designer, contohnya seperti apakah perkara ii penting yang perlu ditanya dan diambil tahu sebelum ingin membina network yang sesuai untuk seseorang pelanggan. sekian terima kasih, disini saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih sebanyak kepada dr. atas ilmu yang telah disampaikan selama satu sem ini.
Saya okay dengan gaya pengajaran dr. semuanya berjalan lancar dan mudah difahami.👍
Semua terbaik cuma tiap kali kelas nervous kena petik nama untuk jawab soalan. hehehe. tapi kalau boleh yang lawatan pergi ppir tu buat awal semester lagi bagus untuk pendedahan lebih awal pada pelajar. kami memang blur pasal network tu sebab semester-semester sebelum ni just belajar teori je tak dapat tengok benda tu depan-depan. terima kasih untuk ilmu yang dikongsi.
Dr azrul memang on top. saya enjoy belajar subjek nad. cumanya saya harap dr boleh buat field trip di data centre company besar di malaysia.
Saya suka cara dr mengajar walaupun berdebar la jugak nak menjawabnya tapi cara dr buat saya lebih faham.
Saya suka cara dr mengajar, mmg senang paham daripada sekadar membaca slide. cumanya selalu nervous sikit bila dr petik-petik nama, tapi baguslah sebab student akan sentiasa alert, contohnya macam saya. memang takkan berani nak mengelamun sebab takut kena panggil.
Suka interaksi dua hala yg dilakukan dalam kelas, maklumat tambahan yg dikongsi, penerangan juga mudah difahami
Semuanya bagus!! we appreciate the way lecturer bring us to ppir. it really helps me to understand about network even tho just a bit. i also love that dr use the "call number" method haha. dr membuatkan saya baca slide sblm masuk kelas kerana takut jika saya dipanggil untuk jawab soalan. thnk u dr <3
Setiap kali masuk kelas ini, saya sentiasa rasa berdebar-debar, hehe. bukan apa, saya takut kalau- kalau nama saya tiba-tiba dipanggil! huhu. walaupun sekarang dah ada gpt yang boleh bantu buat nota atau jawab soalan, perasaan berdebar tu tetap ada. tapi alhamdulillah, sepanjang satu semester ni, saya "selamat" juga... hihi kelas ni sangat interaktif dan tidak membosankan langsung. banyak gaya pembelajaran yang digunakan— kami buat nota ringkas, peta minda, interview, selfie, lawatan ke ppir, laporan berkumpulan bersama group lain dan macam-macam lagi. cara pembelajaran yang pelbagai ni sangat membantu saya faham topik dengan lebih baik, dan jujuurnya, saya rasa enjoy! saya juga suka bila kelas diadakan dalam smart classroom. suasana dalam bilik tu rasa santai, dengan warna-warni yang menarik dan teknologi canggih yang digunakan. ia buat saya lebih semangat nak belajar, dan tak rasa tertekan sangat macam dalam kelas biasa. cuma, satu benda yang saya rasa boleh diperbaiki ialah bahagian lukis-lukis—terutamanya bila kena lukis rangkaian atau diagram. saya rasa susah nak mula sebab tak pasti macam mana bentuk atau flow yang sepatutnya. mungkin lepas ni boleh tunjukkan satu contoh terlebih dahulu, atau tunjuk contoh terbaik dalam group beserta cadangan penambahbaikan. btw, saya rasa latihan lukis network tu tak cukup... kalau ada lebih sikit latihan, mungkin kami boleh faham dan improve lagi. itu je dulu rasanya. terima kasih untuk kelas yang menyeronokkan ni
Kaedah pengajaran yang digunakan sangat berkesan kerana ia menekankan penglibatan pelajar, penggunaan contoh yang praktikal dan juga mewujudkan suasana kelas yang kondusif.
Cara pengajaran yang seronok dan berkesan. dr memberi penerangan dengan baik dan mudah faham pada setiap soalan dan topik. sangat baik dan mesra dengan pelajar.
Pensyarah mengajar dengan baik
Kaedah pembelajaran dr. sangat sangat best. walaupun nombor saya yang selalu dipanggil tapi dengan cara tu saya dapat faham apa yang kita tengah belajar dalam kelas. tolong buat benda sama dekat kelas lain biar diorang rasa anxiety dan takut yang kitorang rasakan hahaha. saya suka bila belajar dengan dr sebab senang faham, so senang masuk otak. terima kasih dr. sebab ajar kami
Cara penyampaian setiap bab sangatlah berkesan dan senang ingat....saya suka cara dr mengajar bagi setiap...dr banyak relate dgn real world situation utk memberikan contoh